

TARIKH: 1/12/23
SURAT KHABAR: Sinar Harian.
MUKA SURAT: 2

2 NASIONAL

SINAR HARIAN • JUMAAT 1 DISEMBER 2023

TELUS & TULUS
Sinar
Harian
sinarharian.com.my

TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

1,000 syarikat rintis gaji progresif

Majikan bakal terima RM300 sebulan bagi setiap pekerja jika naikkan gaji mereka

Oleh NURUL HUDA HUSAIN
KUALA LUMPUR

Sebanyak 1,000 buah syarikat dijangka menyertai projek rintis Dasar Gaji Progresif secara sukarela bermula Jun tahun hadapan yang menyaksikan golongan pekerja bakal menikmati kenaikan tahunan manakala majikan menerima insentif tunai daripada kerajaan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kerajaan akan menyediakan insentif tunai antara RM200 dan RM300 bagi setiap pekerja syarikat yang menyertai program tersebut.

Menurut beliau, insentif itu akan dibayar mengikut kadar

membabitkan dua kumpulan pekerja iaitu pekerja peringkat permulaan dan peringkat bukan permulaan.

"Bagi kumpulan peringkat permulaan, syarikat layak menerima kadar insentif pada nilai tetap sehingga maksimum RM200 sebulan selama 12 bulan, sekiranya syarikat membayar gaji pada kadar yang sama atau melebihi cadangan banduan kenaikan gaji tahunan."

"Kumpulan pekerja bukan peringkat permulaan pula, syarikat layak menerima kadar insentif pada nilai tetap sehingga maksimum RM300 sebulan selama 12 bulan sekiranya syarikat memberi kadar kenaikan gaji tahunan berdasarkan panduan kenaikan gaji tahunan," katanya ketika membentangkan Kertas Putih Dasar Gaji Progresif di Dewan Rakyat pada Khamis.

Tambah Rafizi, bagi tahun pertama pelaksanaan, pekerja yang menerima gaji bulanan di bawah RM5,000 dan tidak kurang daripada gaji minimum layak menyertai program



Rafizi mengadakan sidang akbar di Bangunan Parlimen pada Khamis.

tersebut.

Rafizi berkata, sebanyak 66.6 peratus atau empat juta pekerja di negara ini menerima gaji bulanan dalam lingkungan RM1,500 dan RM4,999.

"Dengan andaian pemberian insentif daripada kerajaan sebanyak RM2 bilion, Dasar Gaji Progresif dijangka memberi manfaat kepada 1.05 juta

pekerja, dengan tambahan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar sebanyak RM3.3 bilion.

"Ia juga akan memberi tambahan kepada caruman KWSP sebanyak RM0.79 bilion, tambahan hasil cukai pendapatan sebanyak RM1.8 bilion dengan tambahan 37,529 orang pembayar cukai pendapatan

baharu pada tahun pertama pelaksanaan," ujarnya.

Bagaimanapun menurut Ahli Parlimen Pandan itu, peruntukan dana untuk pelaksanaan inisiatif di bawah Dasar Gaji Progresif akan disediakan mengambil kira kemampuan kewangan kerajaan.

Kerajaan katanya, mengunjurkan dana permulaan antara RM20 juta hingga RM30 juta untuk setiap syarikat yang mengambil bahagian dalam projek rintis itu nanti.

Prestasi 'Majikan Gaji Progresif' juga katanya, akan dinilai melalui sistem penarafan bintang, berdasarkan dua komponen, iaitu komponen asas dan komponen bonus.

"Tujuan sistem penilaian majikan adalah untuk membolehkan syarikat bersaing antara satu sama lain dari segi prestasi kenaikan gaji bagi mewujudkan budaya penetapan gaji yang lebih baik.

"Penarafan bintang akan dikendalikan oleh agensi yang mempunyai kredibiliti supaya keputusan penarafan bintang dapat menjadi rujukan yang diterima oleh semua pihak," katanya.

Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif bersifat sukarela – Rafizi

KUALA LUMPUR - Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif mempunyai tiga ciri asas termasuk bersifat sukarela tanpa undang-undang baharu.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, dua ciri lain ialah berteraskan insentif dan terkait produktiviti.

"Pelaksanaan bersifat sukarela ini untuk memastikan ketersediaan dan kemampuan majikan menerima pakai model gaji progresif dan memberi ruang mencukupi kepada syarikat untuk bersiap sedia dan melakukan penyesuaian tanpa tekanan kos terlalu besar, terutamanya dalam kalangan perusahaan

mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang membentuk 97 peratus daripada majikan di negara ini.

"Ciri berteraskan insentif pula ialah kerajaan akan menyalurkan bantuan tunai untuk membantu majikan membayai sebahagian kos untuk menyertai dasar bahru ini."

"Insentif ini diberikan kepada syarikat yang memenuhi syarat dan kriteria untuk tempoh satu tahun bagi membolehkan syarikat menyesuaikan pelan perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan usul Kertas Putih Dasar Gaji

Progresif di Dewan Rakyat pada Khamis.

Tambah Ahli Parlimen Pandan itu lagi, ciri ketiga pelaksanaan polisi baharu tersebut ialah kenaikan gaji yang terkait dengan produktiviti menekankan kesaksamaan antara majikan dan pekerja melalui konsep timbal balik.

Ujarnya, konsep ini bertujuan untuk menangani kebimbangan utama pihak majikan, iaitu kenaikan gaji perlu seiring dengan peningkatan tahap kemahiran dan produktiviti pekerja.

Rafizi berkata, pelaksanaan dasar itu turut mendapat sokongan di luar jangkaan daripada majikan di negara ini.

"Apabilla saya dan kementerian fokus kepada reformasi pasaran pekerjaan ia jelas sekali (berkait) mengenai bayaran dan peningkatan kemahiran.

"Saya harus akui pada permulaannya (beranggapan mungkin tidak dipersetujui majikan).

"Ia memandangkan syarikat atau majikan masih bergelut dengan (pelaksanaan) gaji minimum tapi (penerimaan majikan) sebenarnya agak positif dan daripada perbincangan ia diterima baik termasuk Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)," katanya.